



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888, Faks: 03-8889 7957

Emel: ksu@kwpkb.gov.my

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

PENDUDUK TERIMA CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA DI ATAS TAPAK PANGSAPURI DAN RUMAH KOS RENDAH SRI JOHOR, SRI PULAU PINANG, SRI MELAKA DAN TAMAN IKAN EMAS DI BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 6 Januari 2013 – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) hari ini mengadakan sesi perjumpaan penduduk bersama YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin bagi cadangan Pembangunan Semula Di Atas Tapak Pangsapuri Dan Rumah Kos Rendah Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka Dan Taman Ikan Emas Di Bandar Tun Razak.

Sesi perjumpaan ini merupakan kali keempat selepas perjumpaan dan perbincangan dengan penduduk bagi cadangan pelaksanaan projek pembangunan semula ini diadakan kali pertama iaitu pada 16 Mei 2011 dan disusuli pada 12 hingga 25 Oktober 2011 dan terbaru adalah pada 18 Disember 2012.

Pada 31 Oktober 2012, KWPKB telah membuat bincangan bagi mendapatkan maklum balas terhadap cadangan pembangunan semula ini kepada semua penduduk Taman Ikan Emas.

Daripada sejumlah 859 orang pemilik unit kediaman, sebanyak 464 telah mengembalikan borang bincangan dan selebihnya 395 pemilik unit kediaman tidak mengembalikan borang bincangan. Bagi pemilik yang telah mengembalikan borang bincangan, sebanyak 373 pemilik unit kediaman bersetuju memilih rumah dan wang tunai (RM13,000 bagi rumah 1 bilik, RM14,000 bagi rumah 2 bilik), 80 pemilik unit kediaman bersetuju memilih rumah dan kabinet dapur, selebihnya 11 pemilik unit kediaman memilih untuk menjual rumah kepada DBKL/Pemaju.

Manakala daripada sejumlah 4,810 penyewa unit kediaman, sebanyak 4,181 borang bincangan telah dikembalikan dan selebihnya iaitu 629 borang bincangan tidak dikembalikan kepada KWPKB. Bagi penyewa yang mengembalikan borang bincangan,

sebanyak 4,007 penyewa memilih untuk membeli unit kediaman yang disewa sekarang dan selebihnya 174 penyewa memilih untuk terus menyewa unit kediaman tersebut. Perincian hasil bancian seperti di **Lampiran A**.

Hasil daripada bancian tersebut mendapati sebanyak **81.94%** atau **4,645** penduduk (pembeli dan penyewa) telah bersetuju dengan cadangan pembangunan semula ini. Justeru itu, pada 18 Disember 2012, YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengumumkan penyelarasan keluasan unit kediaman yang dicadangkan sebelum ini iaitu 720 kaki persegi kepada **800 kaki persegi** dengan pakej yang ditawarkan seperti di **Lampiran B**.

Bagi penyewa sedia ada, mereka ditawarkan untuk membeli unit kediaman tersebut dengan harga antara RM21,000.00 hingga RM28,000.00 secara belian tunai atau melalui skim pembiayaan Yayasan Wilayah Persekutuan atau mana-mana bank komersial atau mereka boleh terus menyewa unit kediaman tersebut.

Semua sesi perjumpaan yang diadakan menunjukkan reaksi yang sangat positif daripada penduduk Pangsapuri dan Rumah Kos Rendah Sri Johor, Sri Pulau Pinang, Sri Melaka Dan Taman Ikan Emas Di Bandar Tun Razak dengan menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk menyediakan kediaman yang berkualiti dan lebih selesa dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

6 Januari 2013

Kuala Lumpur

LAMPIRAN A**HASIL BANCIAN YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA 31 OKTOBER 2012**

| PEMILIK (859) | | | |
|---|---------------------------------|--|---------------------------------------|
| Kembalikan borang bancian (464) | | | Tidak kembalikan borang bancian (395) |
| Memilih rumah dan wang (RM13,000 bagi rumah 1 bilik, RM14,000 bagi rumah 2 bilik) | Memilih rumah dan kabinet dapur | Memilih menjual rumah kepada DBKL/Pemaju | |
| 373 | 80 | 11 | |

| PENYEWA (4,810) | | | |
|--|-----------------------------|--|---------------------------------------|
| Kembalikan borang bancian (4,181) | | | Tidak kembalikan borang bancian (629) |
| Memilih untuk membeli unit kediaman yang disewa sekarang | Memilih untuk terus menyewa | | |
| 4,007 | 174 | | |

LAMPIRAN B

PAKEJ UNIT KEDIAMAN YANG DITAWARKAN KEPADA PENDUDUK

| JENIS | PEMILIK | PENYEWA |
|-----------------------|--|---|
| Unit kediaman 1 bilik | 800 kaki persegi | Beli dengan harga RM21,000 Atau Terus menyewa |
| | Belian balik bernilai RM140,000 | |
| Unit kediaman 2 bilik | 800 kaki persegi & Wang tunai RM14,000 | Beli dengan harga RM28,000 Atau Terus menyewa |
| | Belian balik bernilai RM140,000 & Wang tunai RM14,000 | |